

## Aplikasi untuk semua teksi

---

KUALA LUMPUR 26 April - Kerajaan akan membangunkan satu aplikasi yang bakal digunakan oleh semua teksi tempatan selewat-lewatnya hujung tahun ini dalam mentransformasikan perkhidmatan dalam industri pengangkutan awam tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz Kaprawi berkata, aplikasi dibangunkan dengan kerjasama persatuan teksi dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) itu bertujuan memudahkan pengguna membuat pilihan.

" Menurut beliau, sistem tersebut dibangunkan setelah kementerian mengadakan beberapa siri perbincangan dengan persatuan teksi baru-baru ini. "Sistem yang diwujudkan ini sama seperti aplikasi sedia ada, Uber dan GrabCar serta diwujudkan bagi menampung kehendak kedua-dua pihak sama ada industri dan pengguna.

"Malah, sistem ini juga akan memaparkan kadar tambang yang ditetapkan kerajaan sekali gus mengelakkan berlakunya penipuan tambang dan jarak serta ulat tiket," katanya dalam sidang akhbar " selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Institut Maritim Malaysia (MIMA) Kelapan Berhubung Perairan Selat Melaka 2016 di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Mima, Tan Sri Ahmad Ramli Mohd. Nor dan Ketua Pengarahnya, Laksamana Pertama (B) Datuk Chin Yoon Chin. Mengulas lanjut, Ab. Aziz berkata, pada masa sama, pihaknya menggalakkan mana-mana persatuan teksi untuk mewujudkan aplikasi sendiri untuk perkhidmatan mereka.

"Kebanyakan aplikasi sedia ada dibuat oleh persatuan teksi dan kita bersedia membantu mereka mewujudkan aplikasi ini dengan mempertimbangkan aspek kewangan dan pemberian geran. Bagaimanapun, kita harus mengenal pasti terlebih dahulu persatuan tersebut.

---

**SUMBER: UTUSAN MALAYSIA | M/S: 25 | 27 APRIL 2016**